

PROPAGANDA BRITISH DI TANAH MELAYU PADA ZAMAN PERANG DUNIA PERTAMA (1914-1916)

Muhammad Aslah Akmal Bin Azmi

Universiti Kebangsaan Malaysia

aslahakmal@ukm.edu.my

Mohd Samsudin

Universiti Kebangsaan Malaysia

moss@ukm.edu.my

Abstrak

Perang Dunia Pertama memperlihatkan pentadbiran British di Tanah Melayu menghadapi ancaman propaganda Turki dan Jerman. Ini berikutan penglibatan British dalam Perang Dunia Pertama telah mengheret negara-negara dan negeri-negeri jajahan dan naungannya untuk menyokong British dan sekutunya. Kesannya, Negeri-Negeri Melayu yang merupakan negeri jajahan dan naungan British telah menerima ancaman propaganda daripada musuh-musuh British. Bagi menangani ancaman propaganda musuh, pihak British telah menyebarkan propagandanya terhadap masyarakat awam di Tanah Melayu. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti usaha British dalam menyebarkan propaganda sebagai medium komunikasi utama untuk mendapatkan sokongan masyarakat awam di Tanah Melayu pada zaman Perang Dunia Pertama. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan penelitian terhadap sumber primer iaitu fail '*Colonial Office*' seperti C.O. 323/720/40660 pada tahun 1916 dan fail '*Secretary of State*' seperti S.S 37/1915 pada tahun 1915. Kajian ini juga merujuk fail Selangor Sekretariat 5414/1914 pada tahun 1914 dan Selangor Sekretariat 3737/1915 pada tahun 1915. Hasil kajian membuktikan bahawa British telah menggunakan propaganda sebagai medium komunikasi yang utama bagi mendapatkan sokongan masyarakat tempatan dan menanam sikap anti Turki dan Jerman di Tanah Melayu pada zaman Perang Dunia Pertama. Kesimpulan daripada kajian ini adalah British telah mengambil bentuk propagandanya yang telah dilaksanakan di Eropah untuk mendapatkan sokongan penduduk tempatan di Tanah Melayu.

Kata kunci: Propaganda, British, Perang Dunia Pertama, Jerman, Turki.

BRITISH PROPAGANDA IN MALAYA DURING THE WORLD WAR ONE (1914-1916)

Abstract

The World War One showed that the British administration in the Malay States face the propaganda threat of Turkish and German. This is due to the British involvement in the World War One that had dragged British's colonies and protectorates to support British and their allies. Consequently, the Malay States, which was a Crown Colony and Protectorates States face propaganda threats from British's enemies. To counter enemies' propaganda, the British have used propaganda as an important communication medium to gain public support in Malaya. Accordingly, the objective of this study was to identify British efforts in spreading propaganda as the main communication medium to get the public support in Malaya during the period of World War One. This study used qualitative research methods to study the primary source such as Colonial Office files for example, C.O. 323/720/40660 in 1916 and the State Secretary 37/1915 file in 1915. This study also used Selangor Sekretariat files such as Selangor Sekretariat 5414/1914 file in 1914 and Selangor Sekretariat 3737/1915 file in 1915. The study prove that the British used propaganda as the main medium of communication to gain public support and stop the public support towards Turkey and German in Malaya during the World War One. The conclusion from this study is the British have used the types of propaganda that has been implemented in Europe to gain the public support in Malaya.

Keywords: Propaganda, British, World War One, Germany, Turkey.

PENGENALAN

Propaganda secara umumnya bermaksud dakyah, ideologi, atau pendapat yang dihebahkan untuk mempengaruhi masyarakat awam. Sesuatu propaganda itu cenderung untuk menggalakkan sokongan kepada pihak yang menyebarkan propaganda walaupun kebenaran propaganda tersebut boleh dipersoalkan. Sebagai contoh, Jerman telah dipropagandakan oleh British sebagai negara yang '*barbaric*' kerana telah menguasai Belgium yang merupakan negara berkecuali manakala propaganda Jerman pula menjelaskan penguasaan Jerman terhadap Belgium adalah untuk menghadapi serangan daripada Perancis (Arthur Ponsonby 1928). Jelasnya propaganda adalah maklumat yang anggap benar oleh sesebuah pihak walaupun tidak dipersetujui oleh pihak lain. Laporan kerajaan British (CAB/37/136/34 October 1915) menjelaskan propaganda adalah kawalan berita dalam sesebuah negara bagi mendapatkan sokongan masyarakat awam. Propaganda berfungsi untuk menapis media agar penerbitan dan penyebaran maklumat kepada masyarakat awam tidak mempamerkan kesalahan dan kelemahan sesebuah kerajaan. Justeru itu, propaganda menjadi instrumen penting kerajaan dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat agar sentiasa memberikan sokongan pada zaman perang (T102/14 22 October 1917).

Objektif propaganda adalah untuk mempengaruhi pandangan masyarakat awam iaitu memberikan kesan positif kepada negara yang menyebarkan propaganda dan memberikan kesan negatif kepada negara yang menerima propaganda tersebut. Kumpulan sasaran propaganda dapat dikategorikan kepada 4 bahagian iaitu:

- a) Pandangan awam negara

- b) Pandangan awam negara berkecuali
- c) Pandangan awam negara sekutu
- d) Pandangan awam negara musuh

(Sumber: The Times History and Encyclopedia of the War 1919)

Pandangan awam negara penting bagi mendapatkan sokongan rakyat bagi sesebuah negara untuk menyokong agenda kerajaan sepanjang zaman perang. Pandangan awam berkecuali bermatlamat menggalakkan sokongan atau meneruskan prinsip berkecuali bagi negara yang tidak terlibat secara langsung dalam peperangan. Pandangan awam sekutu berperanan memberi justifikasi kepada negara sekutu untuk menyokong dan menyertai perang agar kemenangan dapat dicapai bersama manakala propaganda bagi pandangan awam musuh berperanan dalam mempengaruhi moral tentera dan strategi negara musuh agar dapat dimanipulasi dan memberikan keuntungan kepada negara penyebar propaganda tersebut.

Propaganda British terbahagi kepada beberapa bentuk dan bergantung kepada kumpulan masyarakat awam yang disasarkan. Propaganda patriotik dan semangat kebangsaan merupakan antara bentuk propaganda British yang disasarkan kepada pandangan awam negara. Propaganda ini menggunakan semangat patriotik dan kebangsaan untuk mendapatkan sokongan masyarakat awam terutamanya rakyat British dan sekutunya. Ayat dalam poster propaganda seperti *"Your Country Needs You!"*, *"Daddy, what did you do in the Great War?"* dan *"Women of Britain say- Go!"* merupakan antara propaganda bagi mendapatkan sokongan masyarakat dari sudut tenaga kerja iaitu sebagai tentera atau sukarela (James Taylor 2013). Propaganda ini menimbulkan perasaan serba salah kepada mereka yang tidak menyumbang terutamanya tenaga kerja kepada negara pada zaman perang. Dari sudut sokongan kewangan, propaganda seperti *"Turn Your Silver Into Bullets"* dan *"Lend Your Five Shillings To Your Country And Crush The Germans"* merupakan antara propaganda British bagi mendapatkan sokongan kewangan (Ruth Thomson & Daniel James 2011). Sokongan kewangan ini boleh diberikan melalui sumbangan derma atau penyertaan dalam skim pelaburan perang British. Melalui pelaburan ini, rakyat British lebih bersemangat untuk menyokong kewangan British kerana hasil pelaburan akan dipulangkan bersama-sama dengan keuntungan pelaburan.

Bentuk propaganda British yang kedua adalah propaganda mengenai kekejaman musuh. Kumpulan sasaran bagi bentuk propaganda ini adalah masyarakat awam negara, sekutu dan negara berkecuali. Bentuk propaganda mengenai kekejaman atau *"atrocities"* ini bermatlamat untuk menanam perasaan benci terhadap Jerman yang dianggap sebagai negara yang kejam. Melalui propaganda ini, Jerman dikaitkan dengan pelanggaran perjanjian antarabangsa dan membunuh penduduk daripada negara berkecuali contohnya Belgium. Laporan Lord Bryce merupakan propaganda penting yang telah memberikan keuntungan kepada British. Melalui laporan tersebut, pencerobohan Jerman ke atas Belgium yang merupakan negara berkecuali telah disebarkan ke seluruh dunia. Pencerobohan tersebut bukan sahaja melanggar Perjanjian London 1839 (Perjanjian yang mengiktiraf Belgium sebagai sebuah negara berkecuali) malah telah mengakibatkan kemusnahan dan kematian kepada penduduk Belgium (Jameson Ryley 2008). Impak daripada laporan tersebut telah mempengaruhi Amerika Syarikat yang juga merupakan negara berkecuali untuk menyebelahi pakatan British. Keberkesanan Laporan Bryce juga diakui oleh C.F.G Masterman yang bertanggungjawab menguruskan propaganda British.

Beliau menyatakan kepada Bryce dalam suratnya pada 7 Jun; *'Your report has swept America.'* (Trevor Wilson 1979).

Bentuk propaganda British yang terakhir adalah propaganda mengenai kelemahan dan kekalahan musuh-musuh British dalam peperangan di tempat-tempat tertentu. Kumpulan sasaran bagi bentuk propaganda ini adalah tentera British dan tentera musuh British (Messinger 1992). Propaganda ini penting kerana berita kekalahan dan kelemahan musuh British mampu memberikan semangat yang positif kepada tentera-tentera British. Apabila jumlah kematian tentera musuh meningkat, tentera British semakin bersemangat untuk berperang. Seterusnya propaganda ini juga berperanan melemahkan moral musuh-musuh British agar mereka tidak yakin dapat memenangi peperangan ini (Troy R. E. Paddock 2014). Sebagai contoh, British juga telah menyebarkan propaganda mengenai masalah kekurangan bekalan makanan di Jerman yang telah menyebabkan rakyat Jerman kebuluran. Propaganda ini berperanan memberikan kerisauan kepada tentera-tentera Jerman yang sedang berperang di luar negara. Kebimbangan ini sedikit sebanyak mempengaruhi semangat tentera musuh yang sedang berada di medan peperangan. Kesannya, kebimbangan ini memberikan semangat yang negatif kepada tentera Jerman untuk berperang dengan baik di medan peperangan.

Jelasnya peristiwa Perang Dunia Pertama (PD1) memperlihatkan kegiatan penyebaran propaganda dalam kalangan negara-negara Eropah mula berkembang dengan meluas. British yang memerangi Jerman, Turki, Austria Hungary dan Bulgaria turut berdepan dengan propaganda musuh-musuhnya. Namun begitu ancaman pengaruh dan propaganda musuh-musuh British tidak hanya tertumpu di Eropah malah di negara jajahan dan naungan British di seluruh dunia. Negeri-Negeri Melayu (NNM) yang terdiri daripada negeri naungan dan jajahan British turut menerima propaganda daripada musuh-musuh British khususnya daripada Turki dan Jerman. Hubungan yang pernah wujud di antara NNM dengan Turki dan Jerman sebelum zaman perang memudahkan pengaruh negara-negara tersebut untuk berkembang setelah PD1 meletus pada 28 Julai 1914. Oleh itu bagi mengatasi propaganda musuh-musuhnya di Tanah Melayu (TM), British telah berusaha menyebarkan propaganda bagi mendapatkan sokongan penduduk TM sepanjang zaman perang.

PENUBUHAN JABATAN PROPAGANDA BRITISH

Apabila PD1 meletus pada 28 Julai 1914, British masih tidak mempunyai organisasi atau jabatan untuk mengurus dan menyebarkan komunikasi propaganda secara sistematik. Oleh itu, hal ini telah dibangkitkan dalam kabinet British pada penghujung Ogos 1914 dan Menteri Kewangan British, Lloyd George menggesa penubuhan sebuah organisasi propaganda untuk mempengaruhi pandangan awam di luar negara (CAB 41/35/38 31 Ogos 1914). Hasilnya, pada 5 September 1914 kabinet British memutuskan untuk menubuhkan sebuah organisasi bagi menguruskan propaganda British sepanjang zaman perang (Sanders 1975). Tindakan awal British adalah menubuhkan *"Department of Wellington House"* (DWH). DWH yang dikelolakan oleh C.F.G. Masterman telah menggunakan media iaitu buku, risalah, peta, pamflet, gambar, artikel dan lain-lain untuk menyebarkan propaganda British. Media menjadi instrumen penting komunikasi di antara pihak kerajaan dengan masyarakat awam terutamanya dalam mempengaruhi sokongan untuk agenda peperangan.

DWH turut berkerjasama dengan organisasi lain di Britain bagi menyebarkan propaganda British di dalam dan luar negara. Organisasi seperti "*Cobden Club*", "*Victoria League*" dan "*Central Committee for National Patriotic Organizations (CCNPO)*" merupakan antara organisasi yang telah berkerjasama dengan Masterman (Messinger 1992). Organisasi ini kebanyakannya bermula sebagai agensi propaganda persendirian namun kemudian kerajaan British mula mengambil alih kerja-kerja propaganda organisasi tersebut. Selain DWH, dua organisasi lain yang ditubuhkan oleh kerajaan secara rasmi adalah "*Neutral Press Committee (NPC)*" dan "*Foreign Office News Department (FOND)*". NPC dan FOND ditubuhkan untuk menyiapkan bahan-bahan pro-British untuk media negara sekutu dan negara berkecuali (Tim Brooks 2007). Bahan-bahan propaganda tersebut terdiri daripada risalah, pamphlet, poster dan lain-lain yang bertujuan mempengaruhi masyarakat awam untuk memberikan sokongan kepada British. DWH menjadi pusat utama penyelidikan dan penyebaran propaganda British selama 2 tahun sebelum diselaraskan dan diambil alih oleh Jabatan Penerangan apabila Lloyd George menjadi Perdana Menteri British pada 1917.

Tapisan media dan pengawalan berita merupakan komponen utama propaganda iaitu bagi menjaga pandangan awam dan memastikan rakyat tidak panik dan sokongan kepada kerajaan terus kukuh. Propaganda pada zaman PD1 memperlihatkan dua komponen utama berkenaan media iaitu "*censorship*" iaitu tapisan media dan "*news management*" iaitu pengawalan berita. Tapisan media dan pengawalan berita sepanjang zaman perang penting bagi memastikan pandangan awam menerima berita-berita positif dan disembunyikan daripada berita negatif. Di Britain, tapisan media terutamanya mengenai pergerakan tentera merupakan perkara yang sensitif. Pada 26 September 1914, tapisan media mengenai pergerakan tentera dikawal dengan ketat dan menjadi undang-undang penting pada zaman perang. Operasi tentera dijalankan secara rahsia dan media yang melaporkan berita mengenai pergerakan tentera akan dikenakan hukuman. Contohnya, semasa pertempuran tentera British di Jutland sedang berlangsung, tiada seorang rakyat British yang mengetahui berita tersebut kecuali pentadbiran tertinggi British (Alice Goldfarb Marquis 1978). Seterusnya kawalan berita lebih tertumpu kepada berita baik dan mempunyai kesan yang baik kepada pandangan awam masyarakat. Sebagai contoh apabila kapal British '*Audacious*' ditenggelamkan pada 27 Oktober 1914, jumlah kematian tidak dihebahkan. Perdana Menteri British Lloyd George mengakui kepentingan tapisan media dan kawalan berita; '*The public knows only half the story. They read of the victories; the cost is concealed.*' (George Riddell 1933).

ANCAMAN PROPAGANDA TURKI DAN JERMAN DI TANAH MELAYU

Perkembangan propaganda dan penglibatan Turki pada zaman PD1 banyak didorong oleh strategi peperangan global Jerman. Melalui pakatan Kuasa Pusat iaitu pakatan Jerman bersama-sama Austria Hungary dan Turki, Jerman bermatlamat untuk melemahkan kedudukan musuhnya di kawasan-kawasan di luar Eropah iaitu di Afrika dan Asia (Hew Strachan 2001). Bagi mencapai matlamat tersebut, Jerman memerlukan Turki untuk menggunakan pengaruh agama iaitu seruan jihad untuk menuntut umat Islam bangkit menentang British dan sekutunya serta menyokong Turki dan sekutunya. Komunikasi propaganda Turki dalam hal ini adalah berkenaan pengaruh agama dan ditujukan kepada seluruh umat Islam iaitu untuk memberikan sokongan kepada Turki dan Jerman. Sebelum PD1 tercetus lagi, Max von Oppenheim, bekas konsul

Jeneral Jerman di Cairo menegaskan keperluan Turki untuk mencetuskan pemberontakan bagi melemahkan kedudukan British;

"A Great European war, especially if Turkey participates in it against England, one may certainly expect an overall revolt of the Muslims in the British colonies."
(Landau 1990)

Strategi menggunakan seruan jihad sebagai propaganda untuk mencetuskan pemberontakan ini turut disokong oleh Kaiser Jerman;

"Our Consul in Turkey and India, our agents, etc., must rouse the whole Moslem world into wild rebellion against this hateful, mendacious, unprincipled nation of shopkeepers; if we are going to shed our blood, then England must at least lose India." (Hew Strachan 2001).

Dalam hal ini, Jerman mengharapkan Turki dapat menggunakan pengaruh agama sebagai propaganda utama dalam komunikasi propaganda Turki dengan masyarakat awam iaitu untuk mempengaruhi sokongan umat Islam. Jelasnya, Jerman mempunyai matlamat yang besar dalam kerjasamanya dengan Turki. Melalui pakatan Kuasa Pusat, Jerman mengharapkan kebangkitan penduduk Islam dan kejatuhan koloni-koloni British dan sekutunya terutamanya di Afrika dan Asia.

Pada 5 November 1914, British mengisytiharkan perang terhadap Turki. 6 hari berikutnya, kerajaan Turki mengeluarkan fatwa yang dikenali sebagai *Jihad-i-Ekbar Fard-I Ayon* oleh Sheikh al-Islam, Khayri Effendi yang mengisytiharkan jihad terhadap British dan sekutunya (Farid Mat Zain 2009). Jihad tersebut merupakan suatu tuntutan kepada seluruh umat Islam untuk menyokong Turki dan pakatannya dan memerangi Turki adalah satu dosa (Erik-Jan Zürcher 2016). Turki yang merupakan sebuah negara Islam yang dipimpin oleh khalifah sangat dihormati dan mempunyai pengaruh yang besar iaitu sebagai pelindung dan simbol penyatuan terhadap umat Islam. Jerman dalam hal ini telah menggunakan perisytiharaan perang tersebut sebagai propaganda penting dalam mendapatkan sokongan umat Islam. Risalah mengenai tuntutan tersebut digugurkan di medan peperangan di Eropah oleh kapal terbang Jerman (Kees Van Dijk 2007). Penyebaran risalah tersebut bertujuan menarik sokongan masyarakat awam khususnya umat Islam untuk menyokong Turki dan sekutunya. Dalam masa yang sama, risalah tersebut turut digunakan oleh Jerman untuk menanam sikap anti-British kerana British telah berperang dengan Turki pada ketika itu.

Di TM, keberkesanan komunikasi propaganda Turki terhadap umat Islam dapat dilihat apabila perisytiharaan jihad oleh Turki mendapat sokongan penduduk yang beragama Islam. Seruan jihad berjaya membentuk semangat Pan-Islamisme iaitu kesatuan umat Islam serantau untuk menyokong tuntutan untuk bangkit menentang British dan sekutunya yang memerangi Turki. Perkara ini sememangnya membimbangkan British kerana masyarakat Islam seluruh dunia berpotensi untuk bangkit menentang British hasil daripada propaganda Turki dan Jerman yang berusaha membentuk semangat Pan-Islamisme (Hyson & Lester 2012). Seruan tersebut disambut terlebih dahulu oleh golongan tentera India Muslim iaitu *"Indian 5th Light Infantry"* dalam peristiwa yang dikenali sebagai *"Singapore Mutiny 1915"* (M.A.A. Azmi & Mohd

Samsudin 2015). Regimen tentera tersebut telah bangkit memberontak pada 15 Februari 1915 di Singapura dan menyerang pusat pentadbiran British dan penduduk Eropah di Singapura. Penglibatan British dalam PD1 dengan Turki dilihat merupakan faktor terbesar yang membawa kepada pemberontakan kerana Turki dianggap ketua bagi seluruh umat Islam (C.O. 273/423 19 Ogos 1915). Sokongan terhadap Turki turut disambut oleh penduduk Melayu Muslim di Kelantan beberapa bulan selepas peristiwa *"Singapore Mutiny 1915"*. Kebangkitan di Kelantan yang dikenali sebagai *"Peasants Revolt"* tersebut disumbang oleh propaganda berita-berita mengenai kejatuhan kerajaan British di Singapura dan tentera-tentera British telah meninggalkan TM untuk berperang di Eropah (News Straits Times 15 Ogos 2000).

Tahanan perang Jerman dari kapal SMS Emden yang telah dimusnahkan oleh British juga berperanan penting dalam penyebaran propaganda dalam peristiwa *"Singapore Mutiny"* (Azharudin Mohamed Dali 2014). Di Kem Tahanan Tanglin di Singapura, tahanan perang Jerman dari kapal SMS Emden telah menyebarkan propaganda untuk melemahkan motivasi pengawal-pengawal dalam kalangan *"Indian 5th Light Infantry"* yang akan dihantar untuk berperang di Eropah. Julius Lauterbach, salah seorang pegawai daripada kapal SMS Emden yang ditahan di Kem Tahanan Tanglin menyatakan dalam diarinya;

"Your Indian regiments in France have lost nearly all of their men. It is very cold in France. You know it so. And your brothers from the Punjab plains cannot stand that kind of climate; they get consumption and pouf! They are gone...They did not die like gloriously in battle; they die like sick dogs." (Lowell Thomas 1930).

Komunikasi propaganda tahanan Jerman pada ketika itu adalah lebih terarah iaitu kepada regimen tentera India Muslim. Matlamat propaganda ini adalah untuk melemahkan motivasi untuk berperang bagi pihak British. Propaganda yang disampaikan oleh tahanan perang Jerman ternyata mendapat perhatian pengawal dalam kalangan *"Indian 5th Light Infantry"*. Hubungan yang baik di antara tahanan Jerman dan tentera pengawal ini terbukti apabila Lauterbach mengakui bahawa beliau telah diberitahu oleh pengawal tentera India tersebut mengenai suatu peristiwa penting (pemberontakan) yang akan berlaku. Ucapan pengawal tersebut dicatatkan dalam diari Lauterbach iaitu: *"We are to sail on the 16th for France."* he said lowering his voice...*"But we are not going. You wait. In four days!"* (Lowell Thomas 1930). Kesannya, Lauterbach dan beberapa orang tahanan Jerman berjaya melepaskan diri sehingga ke Jerman.

Sentimen tuntutan jihad yang telah digunakan sebagai propaganda oleh Jerman turut terkesan dalam kalangan masyarakat Melayu di Kelantan. Propaganda ini mula memberikan kesan kepada masyarakat Melayu apabila berita mengenai pemberontakan *'Singapore Mutiny'* telah tersebar. Keadaan menjadi lebih buruk apabila tentera pemberontak yang dianggap menyahut seruan jihad oleh masyarakat Melayu, telah ditembak mati oleh British setelah dibicarakan. Perasaan marah terhadap British meningkat di NNM. Menurut seorang pegawai British di Kelantan,

"The attitude of the Malays showed a very marked changed as time went on...For instance, where as formerly it had been always customary for the crowds in the streets of Kota Bharu, the capital, to make way for any white man riding in a

rickshaw, now they seem intentionally to obstruct the roadway, and many were the growls and scowls as European passed.” (Farid Mat Zain 2009).

Seterusnya seruan jihad telah disambut oleh masyarakat Melayu iaitu di Kelantan apabila Tok Janggut telah bangkit untuk menentang British dalam peristiwa yang dikenali sebagai ‘*Peasant Revolt 1915*’. Jelasnya komunikasi propaganda Turki dilihat bersangkutan di antara peristiwa ‘*Singapore Mutiny*’ dan ‘*Peasant Revolt 1915*’. Ini kerana komunikasi propaganda Turki ditujukan kepada kumpulan yang besar iaitu umat Islam dengan penumpuan terhadap propaganda berunsur pengaruh keagamaan.

KAJIAN LITERATUR

Peristiwa Perang Dunia Pertama memperlihatkan perkembangan gerakan propaganda dalam kalangan negara-negara di Eropah. Bermula daripada peristiwa tersebut, pengkajian mengenai propaganda dan kesannya mula giat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sejarah. Sungguhpun begitu, pengkajian sejarah mengenai propaganda pada zaman Perang Dunia Pertama di Tanah Melayu (TM) masih kurang mendapat penelitian mendalam oleh sejarawan tempatan. Hal ini disebabkan pengkajian mengenai sejarah TM dengan peristiwa Perang Dunia Pertama tidak mendapat pengkajian sarjana tempatan. Ini berikutan TM tidak terlibat secara rasmi dalam Perang Dunia Pertama. Walaubagaimanapun NNM masih menerima kesan daripada peperangan tersebut dan pengkajian mengenai Perang Dunia Pertama dan perkaitannya dengan NNM sangat penting dan relevan. Ahmad Kamal Ariffin (2009) juga menekankan kerelevanan pengkajian yang mendalam mengenai Perang Dunia Pertama. Penulisan beliau membincangkan peristiwa Perang Dunia Pertama dan impaknya terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Impak yang dikaji ditumpukan kepada undang-undang British yang telah digubal pada zaman perang. Namun begitu pengkajian mengenai kegiatan propaganda dan usaha British untuk menangani masalah tersebut tidak dibincangkan. Lim Teck Ghee (1977) dalam penulisannya menumpukan pengkajian terhadap kesan ekonomi pada zaman perang. Begitu juga dengan penulisan Sidhu (1980) yang membincangkan mengenai pentadbiran British namun penelitian mengenai kesan Perang Dunia Pertama tidak diperjelaskan dengan teliti dan hanya mengenai kesan ekonomi.

Perbincangan mengenai kegiatan perisikan dan keselamatan pada zaman Perang Dunia Pertama yang hampir dengan perbincangan propaganda ada dibincangkan oleh sarjana-sarjana tempatan. Alun Jones (1970) membincangkan dengan teliti mengenai sekuriti NNM pada tahun 1895-1942. Penulisan beliau menekankan kebimbangan British terhadap penduduk NNM yang menjadi musuh British pada zaman perang. Khoo Kay Kim (1973) turut membincangkan mengenai perisikan dan keselamatan pada tahun 1915-1935. Walaubagaimanapun, kedua-dua pengkajian ini tidak menumpukan kepada kegiatan propaganda musuh dan tindak balas British untuk menangannya melalui propaganda. Perbincangan mengenai kegiatan perisikan turut dibincangkan oleh Azharudin (2014) yang meneliti aktiviti ejen perisikan, penyuluhan, tipu helah dan subversif. Tanpa keraguan, kesemua kajian oleh sarjana tempatan ini memberikan sumbangan yang sangat bermakna dalam mengkaji perkembangan perisikan dan keselamatan di TM. Walaubagaimanapun, perbincangan mengenai propaganda British di TM bagi menangani propaganda musuh-musuhnya iaitu Turki dan Jerman masih memerlukan eksplorasi dan pengkajian yang lebih banyak oleh sarjana tempatan. Tuntasnya, kajian ini dirasakan

sangat penting bagi membentangkan mengenai propaganda British yang berkembang di Eropah dan kemudiannya turut disebarkan di TM apabila propaganda musuh-musuh British memberikan ancaman terhadap British.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif berdasarkan kerangka metodologi penyelidikan sejarah. Kerangka penyelidikan sejarah akan melalui proses heuristik, kritik, analisis dan historiografi bagi tujuan pembuktian peristiwa sejarah seperti yang sebenarnya berlaku. Metodologi penyelidikan sejarah yang digunakan dalam kajian sejarah ini adalah untuk mencapai objektiviti sejarah iaitu mendapatkan kebenaran sesuatu peristiwa (Garraghan 1946). Justeru itu, kajian ini bergantung kepada sumber primer dan sekunder yang tepat dan mencukupi bagi menghasilkan kajian sejarah berdasarkan bukti dan fakta. Dalam melaksanakannya, penulis menggunakan kaedah *library research* iaitu pengumpulan maklumat di perpustakaan (penyelidikan di perpustakaan) yang melibatkan sumber primer dan sekunder. Kajian ini adalah lebih bergantung kepada dokumen rasmi yang kebanyakannya terdiri daripada sumber primer dari pejabat kerajaan British seperti fail Pejabat Tanah Jajahan (*Colonial Office, C.O.*). Di samping itu, pengkaji juga merujuk fail sekretariat negeri seperti (*Selangor Secretariat File, S.S.F*) dan fail ketua setiausaha negeri iaitu (*Chief Secretary of State, C.S.G*). Pengkajian terhadap dokumen rasmi British sangat penting dalam mendalami rekod-rekod rancangan dan tindakan British sepanjang zaman perang. Di samping itu, penelitian terhadap rekod-rekod rasmi British seperti media akhbar-akhbar juga dapat membantu memenuhi lompongan kajian lain iaitu dalam meneliti propaganda dan reaksi dalam kalangan masyarakat tempatan.

Dalam menjelaskan kesistematikan aturan sejarah, Gottschalk telah menyatakan 4 peringkat bagi menghasilkan penulisan historiografi (Gottschalk 1950). Kerangka penyelidikan sejarah dimulakan dengan proses heuristik iaitu pengumpulan sumber-sumber dokumen dan rekod kerajaan British yang mengandungi propaganda British pada zaman perang. Penelitian terhadap fail kerajaan British penting kerana British mencatat setiap tindakan dari sudut dasar, undang-undang, berita dan laporan mengenai pentadbiran British dengan teliti. Oleh itu melalui bukti-bukti mengenai propaganda dan usaha British menyekat pengaruh musuh-musuhnya telah dicatatkan dalam dokumen-dokumen ini. Proses kedua adalah kritikan sumber iaitu bagi meneliti kebenaran dokumen-dokumen dan menyingkirkan sumber atau bahan yang tidak autentik (Arba'iyah Mohd Nor 2002). Kebenaran sumber ini disemak melalui penelitian terhadap sumber-sumber lain selain daripada dokumen British. Sumber akhbar merupakan sumber primer penting yang menabsahkan kebenaran dokumen British kerana sesebuah akhbar melaporkan dengan tepat sesuatu peristiwa dan reaksi masyarakat pada ketika itu. Proses ketiga adalah analisis iaitu penyimpulan berdasarkan laporan dokumen British dan sumber-sumber lain. Proses ini menghasilkan sintesis bahan-bahan bagi menghasilkan dapatan kajian. Akhir sekali, fasa keempat merupakan proses historiografi iaitu penulisan sejarah (Ishak Saat 2010). Hasil daripada keempat-empat peringkat ini, penyelidikan kualitatif berdasarkan kerangka metodologi penyelidikan sejarah dapat dicapai.

DAPATAN KAJIAN

Setelah menerima ancaman propaganda daripada musuh-musuh British seperti Turki dan Jerman, pihak British juga telah menggunakan propaganda bagi mendapatkan sokongan masyarakat awam di TM. Usaha British menggunakan propaganda sebagai medium komunikasi bagi mendapatkan sokongan penduduk TM pada zaman perang dilaksanakan melalui beberapa kaedah. Sokongan raja-raja Melayu terhadap British merupakan usaha pertama British bagi mendapatkan sokongan masyarakat awam. British dalam hal ini sedar bahawa masyarakat Melayu sangat patuh terhadap raja-raja mereka dan melalui sokongan raja-raja Melayu terhadap British, masyarakat Melayu dapat dikawal dengan lebih mudah. Perkara pertama yang dilakukan oleh British adalah meyakinkan raja-raja Melayu mengenai keterpaksaan British untuk memerangi Turki apabila kerajaan Turki memilih untuk menjadi sekutu Jerman (M.A.A. Azmi, M.S. Mokhtar & Mohd Samsudin 2016). Residen merupakan aktor utama yang memainkan peranan dalam mempengaruhi raja-raja Melayu. Ini terbukti apabila Sultan Terengganu menerangkan bahawa baginda telah menerima wakil British yang menjelaskan penglibatan Turki dalam peperangan tersebut adalah hasil hasutan Jerman. Sultan kemudiannya bertitah:

“Sesungguhnya kerajaan Turki itu pihak orang Islam semua tetapi campurannya menolongi German dalam peperangan ini tiada betul sekali-sekali pada pikiran beta.” (H.C.O. Treng: 1941/1914 4 Disember 1914)

Perkara yang sama turut berlaku kepada raja-raja Melayu lain. Propaganda British dalam mempengaruhi raja-raja Melayu adalah Jerman yang melanggar perjanjian iaitu dengan menyeang Belgium dipropagandakan sebagai “watak jahat” yang mengheret British ke dalam PD1 (Trevor Wilson 1979). Oleh itu Turki yang menyebelahi Jerman yang dipropagandakan sebagai negara yang kejam telah mencemarkan nama baik Turki sebagai sebuah negara Islam. Propaganda ini berjaya meyakinkan raja-raja Melayu untuk mengeluarkan titah perintah yang menolak sokongan terhadap Turki kerana dianggap telah dihasut oleh Jerman.

Di NNMB, setelah berjaya menyakinkan raja-raja Melayu, British dengan segera merangka suatu peristiharaan perang untuk ditandatangani (Selangor Sekretariat 5414/1914 4 November 1914). Draf perisytiharaan perang tersebut kemudiannya dibentangkan untuk ditandatangani dan dicop oleh raja-raja Melayu mengikut skrip yang telah disediakan. Tanpa sebarang pilihan, raja-raja Melayu terpaksa menandatangani perisytiharaan perang yang menyokong British (Selangor Sekretariat 5414/1914 4 November 1914).

“At the conclusion of the Federal Council the Proclamation was drafted and a copy of thereof is enclosed herewith. It was decided that only copy should be signed by all the Rulers of the four States, this copy to be transmitted to His Excellency the High Commissioner.” (Selangor Sekretariat 5414/1914 4 November 1914)

Tanpa disedari, perisytiharaan itu menjadi salah satu propaganda penting sepanjang zaman perang iaitu bagi mendapatkan sokongan penduduk TM terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu dan orang Islam. Dokumen British iaitu fail Selangor Sekretariat 5414/1914

merupakan antara dokumen yang mengandungi perisytiharaan sokongan raja-raja Melayu terhadap British (Selangor Sekretariat 5414/1914 4 November 1914). Perisytiharaan sokongan ini telah dicetak dan digunakan sebagai propaganda British bagi mendapatkan sokongan masyarakat. Perisytiharaan itu seterusnya diedarkan di masjid-masjid dan tempat awam (Selangor Sekretariat 5414/1914 4 November 1914). Jelasnya setelah berjaya meyakinkan raja-raja Melayu, komunikasi British melalui propaganda ditumpukan kepada masyarakat Melayu iaitu dengan menggunakan sokongan raja-raja Melayu terhadap British.

Perisytiharaan ini merupakan antara propaganda British supaya penduduk di NNMB dapat melihat sokongan raja-raja di negeri mereka terhadap British serta turut sama menyokong British atas titah perintah raja. Perisytiharaan tersebut diikuti dengan pernyataan sokongan oleh raja-raja Melayu mewakili negeri dan rakyat negeri masing-masing. Kandungan perisytiharaan tersebut melarang rakyat memberi bantuan atau bangkit memberontak atau terpengaruh dengan apa-apa hasutan yang memberikan keuntungan kepada Turki (H.C.O 1806a/1914 5 November 1914). Perisytiharaan perang turut dicetak dalam bahasa-bahasa lain agar seluruh penduduk di NNMB tahu mengenai perang di antara British dan Turki. Melihat sokongan raja-raja Melayu kepada British, penduduk TM serta golongan imigran rata-ratanya memberikan sokongan kepada British. Pada 9 November 1914 iaitu 4 hari selepas British mengisytiharkan perang terhadap Turki, sebanyak 2000 cetakan bertulisan Arab dan 500 cetakan bertulisan rumi telah disediakan untuk disebarkan kepada masyarakat (Selangor Sekretariat 5529/1914 9 November 1914). Di Singapura, Komander Tentera British, Brigadier General Dudley Howard Ridout, telah berjumpa dengan ketua komuniti Arab untuk menyakinkan mereka mengenai kejahatan kerajaan Turki dan hasutan Jerman. Taktiknya berkesan dan ketua komuniti Arab tersebut meninggalkan sokongan terhadap Turki (Muhammad Redzuan Othman December 1997).

Bagi membuktikan sokongan kepada British, raja-raja Melayu juga menggunakan penguasaan politik, ekonomi dan sosial untuk membantu British samada melalui paksaan atau sukarela. Sebagai contoh, raja-raja Melayu dipaksa untuk mengadakan sembahyang hajat supaya British menang dalam peperangan tersebut. Di negeri majoriti penduduk Melayu iaitu Kelantan, solat hajat dilaksanakan atas arahan sultan untuk mendoakan kemenangan British (H.C.O. Treng: 1941/1914 4 Disember 1914). Sultan Pahang pula menyatakan NNMB tidak pernah menerima apa-apa keuntungan daripada kerajaan Turki namun di bawah naungan British, penduduk Pahang dapat merasai kemakmuran, kegembiraan dan kebebasan (H.C.O 1806a/1914 5 November 1914). Seterusnya di Johor, bagi membuktikan kesetiaan kepada British, Sultan Johor telah meletakkan dirinya dan tenteranya, *Johore Military Forces* untuk perkhidmatan ketenteraan British sekiranya diperlukan (Straits Times 5 Ogos 1914). Baginda turut menyumbang 2 kapal terbang kepada *Royal Flying Corps* untuk kegunaan British dalam peperangan di Eropah (FCO 141/16107 1 Januari 1916). Kesetiaan Sultan Johor kemudiannya terbukti apabila regimen *Indian 5th Light Infantry* bangkit memberontak kepada British, Sultan Johor dan tenteranya membantu penahanan pemberontak tersebut. Melalui usaha-usaha raja-raja Melayu yang menyokong British, masyarakat awam secara tidak langsung terpaksa mematuhi raja-raja Melayu untuk menyokong British.

Seterusnya komunikasi British melalui propaganda dengan penduduk TM dikembangkan pada konteks yang lebih besar iaitu menyatakan kekesalan untuk berperang dengan Turki. British juga menegaskan bahawa peperangan tersebut tidak mempunyai sebarang perkaitan dengan peperangan antara agama atau terhadap umat Islam. Ini adalah untuk menolak propaganda luar yang mengatakan peperangan British dengan Turki adalah bentuk perang Salib yang baru (Farid Mat Zain 2009). Melalui residen-residen, raja-raja Melayu juga telah dijelaskan mengenai polisi kerajaan British yang menghormati tempat-tempat suci masyarakat Islam di Jeddah, Mekah dan Madinah yang tidak akan diapa-apakan oleh British (Secretary of State 37/1915 1 Disember 1914). Dokumen Secretary of State 37/1915 merupakan antara fail polisi kerajaan British yang menjadi propaganda bagi menegaskan bahawa peperangan British dengan Turki tidak mempunyai perkaitan dengan peperangan antara agama atau terhadap umat Islam. Polisi ini juga menjelaskan mengenai kesetiaan kerajaan-kerajaan Islam di bawah naungan dan jajahan British di India. Antara ketua-ketua bagi kerajaan dan masyarakat Islam di India yang menyatakan sokongan terhadap British adalah Agha Khan, Nizam dari Hyderabad, Begum dari Bhopal, Nawab dari Rampur dan Nawab dari Tonk (Secretary of State 37/1915 1 Disember 1914). Sokongan kolektif ini merupakan antara propaganda British yang cuba membuktikan bahawa British turut disokong oleh negara-negara Islam lain. Sokongan ini turut menjadi propaganda British untuk mempengaruhi keyakinan raja-raja Melayu untuk menyokong British.

Isu pemberontakan Arab yang berperang dengan Turki pada zaman perang turut digunakan sebagai propaganda untuk mengurangkan sokongan penduduk NNM terhadap Turki. Pada tahun 1916, Pejabat Luar kerajaan British telah dirujuk dan tidak mengeluarkan apa-apa bantahan untuk menggunakan isu peperangan Arab dan Turki di Negeri-Negeri Selat dan NNMB sebagai suatu propaganda (C.O. 323/720/40660 28 August 1916). Dalam hal ini pemberontakan negara-negara Arab yang ingin bebas daripada penguasaan Turki telah menjadi propaganda penting British bagi mengurangkan sokongan dan masyarakat Islam terhadap Turki. Dokumen C.O. 323/720/40660 menjelaskan pemberontakan Arab menjadi propaganda British kerana Turki tidak lagi menjadi sebuah negara Islam yang kukuh dan sokongan masyarakat Islam di seluruh dunia boleh beralih daripada Turki kepada Arab (C.O. 323/720/40660 28 August 1916). Ini kerana pemberontakan ini membolehkan negara Arab menjadi penjaga kota suci umat Islam. Maka isu pemberontakan menjadi propaganda penting bagi mengurangkan sokongan terhadap Turki. Seterusnya propaganda tersebut telah disebarkan di NNM setelah Pejabat Tanah Jajahan mempersetujuinya. Setelah propaganda tersebut disebarkan, Dudley Ridout iaitu *General Officer Commanding* di Singapura telah mengumpul maklumat berkenaan perasaan dan reaksi masyarakat Melayu terhadap berita propaganda tersebut (C.O. 323/720/40660 28 August 1916).

Reaksi masyarakat Melayu terhadap propaganda ini juga berbeza-beza. Hasil pengkajian kerajaan British mendapati masyarakat Melayu di Selangor dan Perak secara umumnya bersifat acuh tidak acuh terhadap berita tersebut. Kebanyakan mereka tidak memperdulikan berita tersebut kerana masih memberikan sokongan kepada Turki. Namun begitu, mereka berasa senang hati kerana boleh berhubung dengan rakan dan saudara mereka di Mekah (C.O. 323/720/40660 28 August 1916). Hal ini disebabkan kerajaan British tidak lagi menyekat perhubungan NNM dengan Arab setelah Arab berjaya membebaskan diri daripada penguasaan

Turki. Di Negeri Sembilan, masyarakat Melayu bersifat acuh tidak acuh menerima berita tersebut namun pemberontakan Arab tersebut tidak kutuk oleh penduduk Melayu Islam yang lebih ortodoks. Walaubagaimanapun di Pahang, masyarakat Melayu menyokong pemberontakan Arab terhadap Turki (C.O. 323/720/40660 28 August 1916). Masyarakat Islam di Singapura terutamanya penduduk Arab secara terang-terangan menyokong kejayaan Arab yang berjaya menentang Turki. Saudagar dan pedagang-pedagang Arab contohnya Syed Omer Alsagoff telah mengirim ucapan tahniah kepada *Sheriff of Mecca* atas kejayaannya dan mengharapkan negara Arab berjaya mendapat kemerdekaan (C.O. 323/720/40660 28 August 1916). Jelasnya, isu pemberontakan Arab daripada penguasaan kerajaan British telah digunakan sebagai propaganda yang berkesan untuk mengurangkan sokongan masyarakat Islam terhadap Turki. Walaupun terdapat beberapa negeri yang secara umumnya bersifat acuh tidak acuh terhadap propaganda tersebut namun propaganda tersebut telah memecahkan sokongan padu kepada Turki kerana *Sheriff of Mecca* berjaya mengeluarkan Arab daripada penguasaan Turki dan mendapatkan hak penguasaan terhadap kota suci bagi umat Islam.

Seterusnya dalam menyekat propaganda Jerman, British menyebarkan laporan mengenai kerakusan dan keganasan Jerman dalam PD1 (C.S.G 3512/1915 11 Disember 1915). Komunikasi British melalui propaganda '*atrocities*' atau keganasan yang turut digerakkan di Eropah turut dikembangkan di TM. Di Eropah, Viscount James Bryce telah dilantik untuk mengetuai satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat dan membuat laporan mengenai pencerobohan Jerman terhadap Belgium yang merupakan negara berkecuali. Lapornya menganalisis sebanyak 1200 testimoni dan membuktikan Jerman sememangnya salah iaitu dengan menceroboh dan melakukan kerosakkan terhadap Belgium (Thomas Fleming 2003), (New York Times 13 Mei 1915). Melalui laporan yang dikenali sebagai Laporan Jawatankuasa Lord Bryce, keganasan tingkahlaku tentera Jerman yang melanggar undang-undang antarabangsa telah disebarkan agar penduduk TM tidak akan berpihak kepada Jerman yang dianggap pencetus dalam peperangan dengan British. Laporan Lord Bryce diakui oleh British sebagai salah satu propaganda yang berkesan di Eropah iaitu dalam menanam semangat anti-Jerman. Melalui laporan ini, Jerman dipropagandakan sebagai negara yang jahat kerana menyerang negara lain yang bersifat berkecuali.

Di TM, Laporan Jawatankuasa Lord Bryce turut berfungsi sebagai propaganda untuk membuktikan keganasan Jerman yang melanggar undang-undang antarabangsa dengan menyerang Belgium. Dokumen Chief Secretary Government 3512/1915 merupakan antara fail kerajaan British yang mengandungi laporan mengenai kekejaman Jerman di Eropah (C.S.G 3512/1915 11 Disember 1915). Laporan mengenai kekejaman tersebut menjadi propaganda utama British bagi membuktikan bahawa Jerman merupakan negara yang jahat dan tidak harus disokong oleh penduduk TM. Laporan ini juga memberikan justifikasi penglibatan British dalam peperangan tersebut iaitu untuk melindungi Belgium sekiranya diserang berdasarkan Perjanjian London 1839 (Trevor Wilson 1979). Laporan kekejaman Jerman ini kemudiannya telah disebarkan di TM sebagai salah satu propaganda agar masyarakat awam menakuti dan membenci Jerman. Melalui laporan ini juga, Turki dianggap telah melakukan kesalahan kerana menjadi sekutu kepada Jerman. Turki yang telah bersekutu dengan Jerman dalam PD1 juga telah dipropagandakan sebagai negara yang berkomplot dengan negara kejam.

Akhbar tempatan turut berperanan penting sebagai medium komunikasi dalam penyebaran propaganda British di TM. Akhbar seperti *The Times of Malaya and Planters' & Miners Gazette* banyak menyebarkan kenyataan tentang kekejaman Jerman iaitu hampir setiap hari pada zaman perang. Ini kerana akhbar tersebut dimiliki oleh syarikat-syarikat Inggeris dan editor akhbar berkenaan merupakan penduduk British di TM. Oleh itu pada zaman perang, kebencian penduduk British turut disebarkan di TM melalui media akhbar yang dimilikinya. Selain menyebarkan tentang kekejaman Jerman di Belgium, tindakan Jerman dikaitkan dengan kebencian terhadap British tanpa memikirkan kesalahan undang-undang antarabangsa.

"The atrocities perpetrated on the innocent inhabitants of Belgium early in the war showed how far this spirit of force dominated the mind of German militarists...The submarine attack on the British hospital ship, 'Asturias' is one of the most glaring instances of the utter disregard by Germany of all moral and humane laws, and the determination to recognize no border line in the demonstration of her hate of British race." (The Times of Malaya and Planters' & Miners Gazette 11 February, 1915).

Tajuk-tajuk artikel akhbar seperti *"German Code of Morals, It Retroactive Danger"*, *"German Failure"* dan lain-lain merupakan antara bukti akhbar British di TM menggunakan media untuk memburuk-burukkan Jerman. Melalui akhbar, propaganda British tentang kejahatan dan keganasan Jerman disebarkan di TM.

Selain itu, propaganda kekejaman Jerman di Eropah turut disebarkan melalui tayangan filem propaganda. Perkembangan propaganda melalui tayangan filem merupakan antara inisiatif *Wellington House Department* (WHD) yang mencadangkan tayangan filem sebagai salah satu medium propaganda. Di bawah pentadbiran Masterman dalam WHD, *"Cinema Committee"* telah ditubuhkan pada Ogos 1915. Seterusnya pada Oktober 1916 Pejabat Perang (War Office) telah menubuhkan jawatankuasa *"War Office Cinematograph Committee"* untuk menggerakkan propaganda tayangan filem dengan lebih meluas (M. L. Sanders 1975). Propaganda mengenai keganasan Jerman disebarkan antaranya melalui tayangan filem *"My Four Years in Germany"* yang telah ditayangkan secara umum di khalayak ramai. Filem ini mengisahkan mengenai pengalaman duta Amerika Syarikat, James W. Gerard semasa berada di Jerman. Kisah mengenai kekejaman Jerman terhadap tahanan perang dan tipu muslihat Jerman terhadap negara-negara berkecuali menjadi propaganda penting dalam filem tersebut. Matlamat British adalah untuk mempengaruhi masyarakat di TM agar terus setia kepada British kerana Jerman dianggap sebagai pencetus huru-hara dan kekacauan (Selangor Secretariat 3507/1918 12 September 1918). Melalui filem ini, British berusaha menanam sikap anti-Jerman iaitu melalui kaedah propaganda dan pengulangan berita sehingga dipercayai dan sebatik dalam pemikiran masyarakat.

Komunikasi British melalui propaganda di Eropah yang turut dijalankan di TM adalah propaganda semangat patriotik. Dalam usaha mendapatkan sokongan masyarakat iaitu sokongan tenaga sukarela tentera dan ekonomi, propaganda turut memainkan peranan penting. Melalui akhbar, propaganda yang menggalakkan masyarakat awam untuk menyertai tentera turut disebarkan di TM. Ini terbukti apabila Pesuruhjaya Tinggi British sendiri telah

menghantar senarai dan jumlah sukarela yang sudi menyertai pasukan tentera British untuk diterbitkan di akhbar-akhbar tempatan.

"The following lists of residents of Malaya who have joined, or are about to join the British armies for the front in Europe is sent to us by His Excellency the High Commissioner for publications." (The Times of Malaya and Planters' & Miners Gazette 7 Januari 1915).

Penerbitan di akhbar-akhbar tempatan ini penting bagi mempamerkan sokongan masyarakat kepada British selain menggalakkan penyertaan penduduk lain. Hasilnya pada penghujung Disember 1914, sebanyak 228 orang penduduk TM telah mendaftar untuk menyertai pasukan tentera British.

Seterusnya propaganda bentuk patriotism turut dilaksanakan di TM. Suatu perhimpunan awam telah dibuat pada 4 Ogos bagi mengingati perisytiharaan perang terhadap Jerman. Perhimpunan yang dibentuk oleh CCNPO (*The Central Committee for National Patriotic Organisations*) merupakan suatu propaganda untuk menyebarkan solidariti dan sokongan terhadap British sepanjang zaman perang. CCNPO yang turut bergerak bersama-sama dengan jabatan propaganda British di London, *"Department of Wellington House"* (DWH) bermatlamat untuk menyebarkan propaganda British di negara-negara jajahan dan naungan British. Di TM, CCNPO berusaha membina semangat kebersamaan di antara British dan negara-negara jajahan dan naungannya untuk bersama-sama menyatakan sokongan terhadap British sekaligus memupuk kebencian terhadap musuh utama British pada ketika itu iaitu Jerman (Selangor Sekretariat 3737/1916 14 Julai 1915). Perhimpunan ini pada awalnya merupakan cetusan idea daripada satu organisasi di London yang dipengerusikan oleh Henry Cust. Selepas mendapat kebenaran dan sokongan daripada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan dan Pensuruhjaya Tinggi British, CCNPO kemudiannya telah berjaya melaksanakan agendanya di negara-negara neutral dan dibawah pengaruh British termasuklah di TM. Justeru itu, berdasarkan fail Selangor Sekretariat 3737/1916, usaha menyebarkan propaganda British di Eropah terbukti telah dilaksanakan di TM (Selangor Sekretariat 3737/1915 14 Julai 1915).

Satu resolusi akan dihasilkan di akhir perhimpunan tersebut. Walaubagaimanapun bagi membentuk solidariti dan keberkesamaan, draf bagi resolusi tersebut telah pun dirangka agar negara-negara jajahan dan koloni dapat sama-sama bersetuju dengan matlamat perhimpunan. Draf resolusi tersebut adalah seperti berikut:

"That, on this the second anniversary of the declaration of a righteous war, this Meeting of the citizens of ____ records its inflexible determination to continue to a victorious end the struggle in maintenance of those ideals of Liberty and Justice which are the common and sacred cause of the Allies." (Selangor Sekretariat 3296/1916 24 Mei 1916).

Perhimpunan itu kemudiannya terus menjadi satu sambutan yang dikenali sebagai *"War Anniversary"* yang diraikan setiap tahun pada 4 Ogos sepanjang zaman perang. Bagi menjayakan perhimpunan tersebut, raja-raja Melayu turut dijemput oleh British agar dapat memperkukuhkan pengaruh British melalui sokongan daripada raja (Selangor Sekretariat

3820/1916 27 Julai 1916). Penduduk tempatan di seluruh NNM juga dijemput untuk hadir bagi menzahirkan sokongan kepada raja-raja Melayu dan kerajaan British. Pejabat-pejabat kerajaan di Kuala Lumpur juga ditutup pada pukul 2 petang bagi membolehkan pegawai-pegawai kerajaan menyertai perhimpunan tersebut (Selangor Sekretariat 3891/1916 2 Ogos 1916).

Menjelang tahun kedua dalam peristiwa PD1, peranan CCNPO dalam mengendalikan perhimpunan tersebut mula diambil alih sedikit demi sedikit oleh kerajaan dan institusi tempatan (Sanders 1975). Bagi membina kesatuan dan kesepaduan seluruh anggota masyarakat dalam perhimpunan tersebut, perarakkan tentera turut diadakan. Perarakkan tentera tersebut disertai oleh *Malay States Volunteer Rifles* dan *Selangor Units of the Malayan Volunteer Infantry* pada tahun 1917 iaitu tahun ketiga ulangtahun peperangan (Selangor Sekretariat 3130/1917 9 Julai 1917). Selain penglibatan raja, pegawai-pegawai tinggi British dan institusi kerajaan, perhimpunan itu juga telah memilih perwakilan daripada penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk menerima resolusi yang dibentangkan. Resolusi tersebut telah diterima dan diperakukan dalam bahasa Melayu oleh Tengku Mahkota Selangor, dalam bahasa Cina oleh Towkey Yap Loong Hin, dalam bahasa Tamil oleh Encik K.T. Parimanam Pillai dan dalam bahasa Hindustan oleh En Bhal Chanan Singh (Selangor Sekretariat 3130/1917 9 Julai 1917). Jelasnya, perhimpunan ini secara tidak langsung telah menjadi propaganda patriotism iaitu dengan membina semangat kesatuan dalam masyarakat untuk sama-sama menyokong British dari awal penglibatannya dalam perang sehinggalah tamat perang. Kesannya, perhimpunan yang menjadi aktiviti tahunan sepanjang zaman perang ini secara tidak langsung berfungsi sebagai propaganda supaya terus menyokong British dan bersama-sama menentang keganasan yang dilakukan oleh musuh.

Komunikasi British melalui propaganda terhadap Turki dan Jerman berperanan penting dalam menyekat sokongan masyarakat terhadap negara-negara tersebut. British sedar bahawa penduduk TM sangat terkesan apabila British berperang dengan Turki yang merupakan sebuah negara Islam namun British juga sedar bahawa penduduk TM khususnya orang Melayu sangat taat kepada raja-raja mereka. Oleh itu, propaganda British disebar lebih dahulu kepada raja-raja Melayu dan melalui titah perintah raja, sokongan orang Melayu terhadap Turki dapat dikawal. Dalam menyekat propaganda Jerman, British telah menggunakan media untuk menanam rasa takut dan benci terhadap kekejaman Jerman. Penduduk TM yang tidak mempunyai hubungan yang kukuh dengan negara Jerman lebih mudah mempercayai berita kekejaman Jerman yang tersebar diakhbar-akhbar tempatan. Buktinya penduduk Melayu, India dan Cina memberikan solidariti dan sokongan terhadap British dengan menghadiri perhimpunan *War Anniversary* setiap tahun pada zaman perang. Walaupun dua peristiwa pemberontakan berlaku pada zaman perang iaitu di Singapura dan Kelantan namun penguasaan dan propaganda British sepanjang zaman perang berjaya mendapatkan sokongan raja-raja Melayu dan penduduk TM secara am.

KESIMPULAN

Komunikasi British melalui propaganda di TM pada zaman PD1 memperlihatkan usaha-usaha berterusan British sepanjang perang untuk memperkukuhkan penguasaannya terhadap TM. Apabila PD1 meletus, hubungan di antara NNM dengan Turki dan Jerman yang wujud sebelum zaman perang terpaksa dihentikan. Sebagai negeri-negeri naungan dan jajahan British,

NNM turut menerima ancaman daripada negara-negara yang menjadi musuh British. Propaganda musuh-musuh British iaitu Turki dan Jerman merupakan ancaman utama terhadap pentadbiran British di NNM kerana propaganda tersebut mampu membangkitkan penentangan terhadap British. Kesan propaganda Turki dan Jerman dapat dilihat dalam dua peristiwa penting yang berlaku di TM pada zaman PD1. Peristiwa yang pertama adalah peristiwa "*Singapore Mutiny*" atau kebangkitan tentera India Muslim iaitu "*Indian 5th Light Infantry*" yang telah memberontak terhadap British di Singapura. Peristiwa kedua yang melibatkan propaganda Turki dan Jerman adalah peristiwa "*Peasant Revolt*" iaitu pemberontakan rakyat Kelantan terhadap pentadbiran British. Laporan British mendapati bahawa propaganda Turki dan Jerman sememangnya memainkan peranan yang penting dalam membangkitkan pemberontakan terhadap British pada zaman perang.

Seruan Jihad merupakan propaganda utama yang digunakan oleh pihak Jerman bagi mendapatkan sokongan masyarakat Islam. Seruan jihad juga digunakan sebagai propaganda untuk membangkitkan semangat penentangan terhadap British. Jerman yang bersekutu dengan Turki dalam PD1 telah mengeksploitasi keadaan ini. Di TM, seruan jihad telah disebarkan dalam tulisan arab dan jawi kepada penduduk-penduduk NNM. Pihak Jerman juga telah menggunakan persahabatan Jerman dengan Turki bagi mendapatkan sokongan masyarakat Islam di TM. Dalam peristiwa pemberontakan tentera di Singapura, tahanan Jerman telah menyebarkan propaganda melalui kegiatan hasutan. Bentuk propaganda Jerman adalah melemahkan motivasi tentera-tentera India Muslim kerana telah berpihak kepada British yang berperang dengan Turki yang merupakan sebuah negara Islam. Seterusnya Jerman telah dipropagandakan sebagai negara yang baik kerana telah bersekutu dengan Turki. Jelasnya propaganda Turki dan Jerman berkembang melalui seruan jihad dan sentimen agama telah digunakan sebagai propaganda utama bagi mendapatkan sokongan masyarakat.

Propaganda Turki dan Jerman yang mencetuskan peristiwa pemberontakan di Singapura dan Kelantan merupakan ancaman yang besar kepada British. Komunikasi propaganda musuh British dilihat mampu membangkitkan semangat penentangan terhadap pentadbiran British. Oleh itu British telah menggunakan propaganda bagi mendapatkan sokongan masyarakat dan menangkis propaganda daripada musuh British. Penguasaan British di TM dari sudut politik memudahkan propaganda British untuk mendapatkan sokongan masyarakat awam. Melalui raja-raja Melayu, masyarakat Melayu diperintahkan untuk memberikan sokongan kepada British dan menghentikan simpati atau apa-apa bantuan kepada Turki. Jerman dipropagandakan sebagai negara yang kejam dan kerjasama Turki dengan Jerman dalam PD1 telah mencemarkan nama baik Turki sebagai negara Islam. Bagi mendapatkan sokongan masyarakat dari kaum lain, British telah berjumpa dan mempengaruhi ketua-ketua masyarakat dan agama lain.

Media merupakan saluran utama propaganda yang telah dilaksanakan oleh British. Surat khabar, poster, majalah, tayangan filem merupakan medium penting bagi British untuk menyebarkan propaganda sepanjang perang. Propaganda British telah disebarkan dalam pelbagai Bahasa bagi mendapat sokongan masyarakat awam. Melalui media, propaganda British dapat disebarkan ke seluruh NNM untuk meraih simpati dan sokongan penduduk serta menyekat perkembangan propaganda Turki dan Jerman. Umumnya, NNM secara terbuka

menyatakan sokongan dan memberikan bantuan kepada British. Kesimpulannya propaganda merupakan bentuk komunikasi utama pada zaman PD1 kerana memainkan peranan penting dalam mendapatkan sokongan masyarakat serta menangkis propaganda daripada Turki dan Jerman di TM. Pihak British juga berjaya menggunakan bentuk propaganda yang dilaksanakan di Eropah untuk mendapat sokongan masyarakat awam di TM.


Biodata Penulis

Muhammad Aslah Akmal Bin Azmi merupakan fellowship Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Penulis juga merupakan calon siswazah sarjana falsafah (Mphil) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: aslahakmal@ukm.edu.my

Prof. Madya Mohd Bin Samsudin adalah Pengarah Muzium Warisan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia dan merupakan pensyarah kanan di Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan (POSH), UKM. Email: moss@ukm.edu.my

LAMPIRAN


Lampiran A



Fail ini mengandungi perisytiharaan raja-raja Melayu yang digunakan oleh British untuk mendapatkan sokongan masyarakat awam.

(Sumber: Selangor Secretariat 5414/1914, Arkib Negara Malaysia)


LAMPIRAN B



Fail ini mengandungi polisi British terhadap dua kota suci umat Islam. Polisi ini menjadi propaganda bagi menyakinkan raja-raja Melayu dan penduduk tempatan bahawa peperangan British dengan Turki tidak akan memberikan kesan kepada kota suci umat Islam.

(Sumber: Secretary of State 37/1915, Arkib Negara Malaysia)


Lampiran C



Fail ini mengandungi arahan menggunakan isu pemberontakan Arab daripada penguasaan Turki pada zaman Perang Dunia Pertama untuk menjadi propaganda bagi mengurangkan sokongan kepada Turki.

(Sumber C.O. 323/720/40660, The National Archives, London)

Lampiran D



Fail ini mengandungi usaha British mengadakan perhimpunan awam untuk menggalakan semangat patriotisme agar masyarakat awam di Tanah Melayu memberikan sokongan kepada British.

(Sumber: Selangor Sekretariat 3737/1916, Arkib Negara Malaysia)

RUJUKAN

Sumber Primer

The National Archives (TNA) London

C.O. 323/720/40660, Colonial Office: Colonies General

C.A.B/37/136/34, The Cabinet Papers.

C.A.B 41/35/38, The Cabinet Papers.

F.C.O 141/16107, Foreign Commonwealth Office and Predecessors.

F.O 170/827, Foreign Office.

T102/14. Correspondence, Various.

Arkib Negara Malaysia

C.O 273/420, Colonial Office: Straits Settlement Original Correspondence.

C.O.273/423. Colonial Office: Straits Settlement Original Correspondence.

C.O. 273/435. Colonial Office: Straits Settlement Original Correspondence.

Chief Secretary Government (C.S.G) File (1915)

High Commissioner Office (H.C.O) File (1914).

Proceeding of the Federal Council (1916)

Selangor Secretariat File (1914-1918).

Secretary of State File (1915).

Ensiklopedia

The Times History and Encyclopaedia of the war: British Propaganda in Enemy Countries.

21(27). 1919. London: The Times Publishing Company Limited.

Akhbar

New York Times.

New Straits Times.

Straits Times.

The Times of Malaya and Planters' & Miners Gazette.

Sumber Sekunder

Buku dan Jurnal

Azharudin Mohamed Dali. 2014. *Sejarah Perisikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jones, A. 1970. Internal Security in British Malaya, 1895-1970. Ph.D. Thesis, Yale University.

Arba'iyah Mohd Nor. 2002. *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Brooks, T. 2007. *British Propaganda to France, 1940-1944: Machinery, Method and Message*. United Kingdom: Edinburgh University Press.

Dijk, K.V. 2007. *The Netherlands Indies And The Great War 1914-1918*. Leiden: KITLV Press.

Farid Mat Zain. 2009 *Daulah Uthmaniyah dan Alam Melayu: Detik Kejatuhan Khilafah Islamiyah di Turki 1924 dan Reaksi Orang Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication.

- Fleming, T. 2003. *The Illusion of Victory*. New York: Basic Books.
- Garraghan, G.J. 1946. *A Guide to Historical Method*. New York: Fordham University Press.
- Gottschalk, Louis. 1950. *Understanding History: A Primer of Historical Method*. Ed. ke-2. London: Alfred A. Knopf.
- Hyson, S. & Lester, A. 2012. British India on Trial': Brighton Military Hospitals and the politics of empire in World War I. *Journal of Historical Geography*. 38: 19-34.
- Ishak Saat. 2010. *Penulisan Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Khoo, Kay Kim. 1973. *The Beginning of Political Extremism in Malaya 1915-1935*. Ph.D. Thesis. University Malaya.
- Landau, J.M. 1994. *The Politics of Pan-Islam: Ideology and Organization*. United States: Oxford University Press.
- Lim, Teck Ghee. 1977. *Peasant and Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Petaling Jaya: Oxford University Press.
- Marquis, A. G. 1978. Words as Weapons: Propaganda in Britain and Germany during the First World War. *Journal of Contemporary History*. 13(3): 467-498.
- Messinger, G.S. 1992. *British Propaganda and the State in the First World War*. United Kingdom: Manchester University Press.
- Muhammad Aslah Akmal Bin Azmi & Mohd Samsudin. 2015 Keberkesanan Pentadbiran British Mengekang Singapore Mutiny 1915: Satu Analisis. Prosiding dibentangkan di Seminar Antarabangsa Ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu, dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-25 November, Langkawi.
- Muhammad Aslah Akmal Azmi, Mohd Shazwan Mokhtar & Mohd Samsudin. 2016. Kolonialisme British Terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Ketika Perang Dunia Pertama. *E-Bangi, Journal of Social Science and Humanities*. 2: 83-95.
- Muhammad Redzuan Othman. 1997. Arab political activities and colonial reactions in Malaya before World War II, *The Arabs in South-East Asia (1870-1990)*. Paper presented at International Workshop on South-East Asian Studies 12, Leiden.
- Ryley, J. 2008. The Historian Who Sold Out: James Bryce and the Bryce Report. *Iowa Historical Review*. 1(2): 60-85.
- Riddell, G.A. 1933. *War Diary 1914-1918*. London: Nicholson & Watson.
- Sanders, M.L. 1975. Wellington House and British Propaganda during the First World War. *The Historical Journal*. 18(1): 119-146.
- Strachen, H. 2001. *The First World War*. United States: Oxford University Press.
- Sidhu, J.S. 1980. *Administration in the Federated Malay States 1896- 1920*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Thomson, R. & James, D. 2011. *Posters And Propaganda in Wartime*, United Kingdom: Franklin Watts
- Taylor, J. 2013. *Your Country Needs You: The Secret History of the Propaganda Poster*. United Kingdom: Saraband, Inc.
- Thomas, L. 1930. *Lauterbach of the China Sea The Escape and Adventures of the Seagoing Falstaff*. New York: Doubleday, Doran & Company.
- Wilson, T. 1979. Lord Bryce's Investigation into Alleged German Atrocities in Belgium, 1914-15. *Journal of Contemporary History*. 14: 369-383.

Zürcher, E. J. 2016. *Jihad and Islam in World War I, Studies on the Ottoman Jihad on the Centenary of Snouck Hurgonje's "Holy War Made in Germany"*. Leiden: Leiden University Press.